# FAQ BERKAITAN DENGAN PELARASAN TARIF
# SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD

<table>
<tr><th>BIL</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Kenapa kenaikan tarif 27sen bukan 16sen?</td><td>
Kenaikan 16 sen ini adalah kiraan secara purata bagi tarif domestik yang mana Negeri Melaka adalah yang keempat terendah berbanding negeri lain iaitu 16 sen per meter padu.
Manakala, purata kenaikan tarif domestik seluruh negeri di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 22 sen per meter padu.
Namun pelarasan tarif negeri Melaka mengalami kenaikan RM0.27 permeter padu bagi penggunaan berhemah bagi penggunaan bulanan sebanyak $10m^3$ seperti berikut;
KADAR TARIF BEKALAN AIR BAHARU :
<table>
<tr><th colspan="2">STRUKTUR DAN KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR</th><th colspan="2">* TARIF BAHARU BERKUATKUASA MULAI 1 FEB 2024</th></tr>
<tr><th>KOD TARIF</th><th>KATEGORI</th><th>CAJ MIN</th><th>RM/m3</th></tr>
<tr><td>01</td><td>DOMESTIK (KEDIAMAN)</td><td>8.70</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>0 - 20 m3</td><td></td><td>0.87</td></tr>
<tr><td></td><td>21 - 35 m3</td><td></td><td>1.52</td></tr>
<tr><td></td><td>> 35 m3</td><td></td><td>2.02</td></tr>
<tr><td>02</td><td>PERNIAGAAN / INDUSTRI / KERAJAAN</td><td>25.00</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>0 - 35 m3</td><td></td><td>2.47</td></tr>
<tr><td></td><td>> 35 m3</td><td></td><td>2.52</td></tr>
<tr><td>03</td><td>DOMESTIK (METER PUKAL PERUMAHAN)</td><td>25.00</td><td>2.07</td></tr>
<tr><td>06</td><td>RUMAH IBADAT / INSTITUSI KEBAJIKAN</td><td>9.70</td><td>0.97</td></tr>
<tr><td>07</td><td>PERKAPALAN</td><td>70.70</td><td>7.07</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Apakah jaminan SAMB kenaikan ini memberi impak kepada prestasi kualiti Perkhidmatan SAMB</td><td>
SAMB sentiasa komited dalam menambahbaik perkhidmatan kepada pengguna. Namun penambahbaikan ini adalah secara berterusan agar pengguna dapat menikmati bekalan air yang bersih, selamat, berkualiti dan bekalan terjamin.
Namun, pengguna juga harus faham bahawa bukan semua penambahbaikan dapat dirasai dalam jangka masa pendek dengan mengambil kira lead time yang diperlukan.
</td></tr>
</table>

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 3 | Apa Manfaat kepada Pengguna SAMB? | Dengan pelarasan tarif ini dijangka dapat memberi pendapatan tambahan kepada SAMB. Hal ini membolehkan SAMB menjalankan rancangan penambaikan yang berdasarkan Pelan Operasi Perniagaan SAMB yang ke 6 untuk tempoh 5 tahun (2024 hingga 2029) yang akan digunakan sebaiknya untuk perkara berikut :<br><br>1) Pembinaan Loji Rawatan Air Baru & Pemuliharaan Loji Rawatan Air Sedia Ada<br>2) Pembinaan Kolam Takungan Air Terawat<br>3) Pembinaan Sistem Retikulasi Baru Bagi Sistem Agihan Air Terawat<br>4) Penambahbaikan Paip Air Terawat Serta Penggantian Aset Air Yang Telah Usang |
| 4 | Bilakah tarif air kali terakhir dilaraskan? | Kali terakhir pelarasan tarif bagi kategori domestik dilaksanakan di Negeri Melaka adalah pada April 2011 iaitu 13 tahun yang lalu. |
| 5 | Bilakah tarif bekalan air baharu ini akan berkuatkuasa? | Tarif Bekalan Air Baru akan berkuatkuasa pada 1 Februari 2024 |
| 6 | Siapakah yang akan terlibat dengan pelaksanaan pelarasan tarif yang akan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2024? | Pelarasan tarif terbaru ini hanya melibatkan pengguna domestik iaitu sebanyak **298 ribu akaun** SAMB.<br><br>Walaubagaimanapun, berdasarkan kenyataan rasmi pihak SPAN pengiraan tarif terbaru akan turut mengambil kira caj elektrik sebanyak RM0.07 permeter padu yang mana akan turut melibatkan sejumlah **46 ribu akaun pengguna bukan domestik.** |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 7 | Mengapa pelarasan tarif turut menyebabkan peningkatan bil air bagi kategori BUKAN domestik? | Pengguna Kategori Bukan Domestik akan mengalami kenaikan bil minimum RM0.07 hingga RM2.45 sebulan bagi penggunaan bulanan sebanyak $35m^3$ berikutan tambahan caj elektrik yang ditetapkan oleh pihak SPAN kepada semua operator air seluruh Malaysia.<br><br>Kadar caj elektrik yang dikenakan adalah sama untuk semua kategori pengguna domestik & bukan domestik SAMB.<br>Kadar caj elektrik adalah berbeza mengikut negeri iaitu dalam julat 2 sen hingga 10 sen bagi setiap meter padu. |
| 8 | Apakah tarif air sama di setiap negeri? | **Tidak.** Kadar tarif air tidak boleh diseragamkan untuk setiap negeri berikutan kos yang ditanggung oleh operator air dalam membekalkan perkhidmatan serta keperluan pembangunan infrastruktur di setiap negeri adalah berbeza. |
| 9 | Bagaimanakah tarif dibangunkan? | Berdasarkan TSM yang dibangunkan oleh SPAN, Kategori Tarif terbahagi kepada 2 kategori utama iaitu Domestik (Meter Individu), Domestik (Pukal Perumahan) dan Bukan Domestik (Perniagaan/Industri/Kerajaan) serta 2 kategori khas iaitu Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan, dan Perkapalan.<br><br>Setiap kategori mempunyai jalur dan komponen kos yang ditampung di bawah setiap jalur masing-masing. Bagi penentuan setiap kos permeter padu yang akan ditanggung oleh pengguna.<br><br>Komponen tersebut termasuk OPEX (perbelanjaan operasi), CAPEX (Perbelanjaan modal), serta kos caj elektrik dan kos alam sekitar yang menyebabkan adanya perbezaan kadar pelarasan. |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 10 | Kenapa caj elektrik perlu dikenakan? | • Penetapan caj elektrik adalah berdasarkan surcaj ICPT yang dikenakan oleh pembekal tenaga elektrik kepada operator. Surcaj ini adalah tidak tetap dan berubah mengikut kadar yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan setiap 6 bulan bergantung kepada kos bahan api seperti arang batu dan kos penjanaan tenaga elektrik.<br>• Bagi membolehkan SAMB untuk mengatasi perubahan kos elektrik yang merupakan antara komponen kos operasi dalam membekalkan air, caj elektrik diperkenalkan mulai 1 Februari 2024 bagi membenarkan SAMB untuk melepaskan perubahan kos ini kepada pengguna secara tahunan.<br>• Caj elektrik dimasukkan bersekali dengan kadar tarif yang berkuat kuasa dalam bil air yang diterima daripada SAMB sebagai sebahagian daripada kadar perkhidmatan bekalan air.<br>• Kadar tarif akan disemak setiap tahun untuk mengambil kira caj elektrik dan ia akan dikenakan kepada semua kategori pengguna. |